

29/10/1998

Dasar konsisten negara jamin pelaburan Jepun

Kadir Dikoh

SEBELUM ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Tokyo untuk lawatan lima hari bermula 16 Oktober lalu, masyarakat Jepun di kalangan korporat terutama pelabur berpotensi ke Malaysia dibelenggu dua persoalan utama. Pertama ialah rasional tindakan Malaysia memperkenalkan dasar tukaran asing dan kedua isu berkisar kepada pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sememangnya, kunjungan Dr Mahathir ke Jepun iaitu lawatan pertamanya ke luar negara sejak dasar itu diperkenalkan pada 1 September lalu dan pemecatan Anwar daripada kabinet dan Umno, tepat pada masanya dalam usaha Malaysia mendapatkan bantuan kewangan Jepun - satu-satunya negara maju yang boleh diharapkan oleh Asia berupaya membantu rakan yang sedang digawat oleh krisis kewangan.

Pemimpin korporat Jepun ingin tahu apakah benar Malaysia memencilkan diri daripada sistem kewangan sejagat dan bagaimana pula nasib pelaburan beratus juta ringgit mereka di Malaysia selama ini - sama ada keuntungan serta dividen boleh dibawa pulang ke Jepun serta apakah sekatan dan syarat berbuat demikian. Bagi bakal pelabur pula, mereka ingin penjelasan lanjut sama ada benar Malaysia mengawal kemasukan pelaburan khususnya pelaburan langsung asing (FDI).

Mengenai isu Anwar, masyarakat Jepun sebenarnya tidak hirau sangat sama ada dia bersalah atau tidak atas pelbagai tuduhan termasuk salah laku seks. Berdasarkan beberapa pertanyaan diajukan kepada Perdana Menteri pada majlis dialog terbuka serta temu ramah dengan mereka, peniaga dan ahli perbankan Jepun lebih berminat kepada isu siapa bakal pengganti Dr Mahathir selepas Anwar dipecat. Seperti dijangka dan kerap diperkatakannya, jawapan Dr Mahathir cukup mudah iaitu menyerahkan kepada Umno yang akan mengadakan pemilihan tahun depan untuk menentukan "dan saya akan patuh kepada kehendak parti".

Sebagai peniaga yang tiada kepentingan politik, orang Jepun lebih suka melihat suasana politik yang stabil bagi menjamin pelaburan mereka selamat dan mengaut keuntungan. Mereka ingin melihat dasar yang konsisten dan kesinambungan kepemimpinan bagi memudahkan perkiraan pelaburan dalam suasana politik yang stabil. Itu saja. Pendirian Kerajaan Jepun sebelum ini juga sudah jelas iaitu tidak mahu campur tangan kerana menganggap ia sebagai isu dalaman Malaysia.

Cuma yang berbeza kepentingan ialah pihak media massa terutama media antarabangsa dari Barat yang mempunyai pejabat cawangan di Tokyo apabila 'menyerang' Dr Mahathir pada sidang akhbar terbuka dengan pelbagai pertanyaan mengenai kes Anwar termasuk isu matanya lebam dan cedera pada badan ketika dalam tahanan.

"Masalah di Jepun ialah kebanyakan media massanya terpaksa bergantung kepada sumber laporan agensi berita dari Barat seperti AP dan Reuters yang melaporkan dari Kuala Lumpur kerana mereka tidak mempunyai pejabat sendiri di Malaysia. Oleh itu, orang Jepun tidak mendapat maklumat tepat berkisar kepada isu politik semasa dan ekonomi Malaysia," kata Duta Besar Malaysia ke Jepun, Tan Sri Khatib Abdul Hamid dalam taklimat kepada wartawan Malaysia sehari sebelum ketibaan Dr Mahathir.

Namun kehadiran dan penjelasan terperinci Perdana Menteri mengenai isu semasa itu sepanjang lawatannya, berjaya menjernihkan kekeliruan sekurang-kurangnya di kalangan masyarakat peniaga Jepun dan pihak media massanya. Kebanyakan akhbar utama Jepun seperti Mainichi Shimbun dan Asahi Shimbun

menyiarkan laporan penjelasan Dr Mahathir mengenai dasar kawalan tukaran asing itu di muka depan manakala isu Anwar pula dijadikan berita kaki.

Perdana Menteri antara lain memberi jaminan kepada pelabur Jepun bahawa langkah kawalan tukaran asing secara berpilih itu tidak bertujuan menyekat pelaburan asing FDI dan pelabur antarabangsa termasuk dari Jepun boleh terus melabur di Malaysia.

"Apa yang kita lakukan ialah menyekat modal jangka pendek yang bukan membuat pelaburan serius tetapi hanya mahu mengaut keuntungan. Kita masih mengalu-alukan pelaburan dalam sektor produktif seperti pengeluaran barangan untuk kegunaan domestik dan eksport. Dasar terhadap FDI masih kekal. Mata wang asing seperti yen, dolar Amerika dan deutchmark (Jerman) masih boleh dibawa masuk ke Malaysia tanpa had jumlahnya. Kita juga tidak menyekat pelabur asing daripada membawa pulang keuntungan mereka," katanya menjawab pertanyaan pada sesi dialog dengan pemimpin korporat, ahli bank dan akademik pada satu majlis.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia sedia menarik balik peraturan kawalan tukaran asing itu jika wujud sistem kawal selia kewangan sejagat yang sempurna sambil mendesak supaya diadakan penyeragaman peraturan sistem kewangan global bagi membanteras kegiatan manipulatif dana lindung nilai serta spekulator mata wang.

Naib Menteri Kewangan Jepun, Eisuke Sakakibara yang lebih dikenali sebagai Mr Yen bersetuju dengan langkah drastik Malaysia mengawal tukaran asing sambil menyifatkannya sebagai berani.

Dr Mahathir turut menempelak kronisme Barat yang sebelum ini kerap menuduh kerajaan di Asia termasuk Malaysia mengamalkan nepotisme dan kronisme, dengan menjelmannya usaha menyelamatkan dana lindung nilai, Long-Term Capital Management (LTCM).

Seperti yang kita tahu, Jepun adalah pelabur kedua terbesar di Malaysia selepas Amerika Syarikat dan hubungan dagangan dua hala serta antara kerajaan di antara kedua-duanya adalah baik terutama sejak Dr Mahathir memperkenalkan dasar pandang ke Timur pada awal 1980-an. Malah dalam keadaan kegawatan sekarang, Jepun yang mempunyai rizab besar dilihat sebagai satu-satunya yang boleh menyelamatkan Asia daripada terus dibelenggu krisis kewangan tetapi pada masa yang sama, negara Asia termasuk Malaysia perlu menerima hakikat bahawa Jepun turut dibelenggu krisis ekonomi.

Pada akhir lawatan itu, Dr Mahathir membayangkan Jepun kemungkinan membeli sebahagian daripada bon RM60 bilion diperlukan oleh Malaysia bagi membiayai cadangan pelan pemulihan ekonomi negara selain bantuan AS\$30 bilion (RM114 bilion) yang sudah dijanjikan Jepun bagi negara serantau. Menurut Perdana Menteri, beliau sudah berbincang dengan pihak Jepun dan syarikat swasta negara itu bagi mendapatkan bantuan kewangan.

"Saya berbincang dengan pihak syarikat Jepun bagi mendapat beberapa dana daripada mereka. Kita juga berharap untuk menerbitkan bon bagi mendapat lebih banyak wang. Sebenarnya, Jepun amat bertimbang rasa dan mereka faham masalah kami dan mereka ingin memberi bantuan," katanya pada sidang akhbar dihadiri kira-kira 100 wartawan Jepun dan media antarabangsa di Tokyo Selasa lalu.

Dalam lawatan itu, Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan serta perbincangan dengan tokoh korporat Jepun mewakili Persekutuan Pertubuhan Ekonomi Jepun (Keidanren) iaitu organisasi yang dianggotai ahli perniagaan yang berpengaruh di Jepun selain mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatnya, Keizo Obuchi.

Malangnya, kira-kira separuh daripada masa perbincangan serta dialog dalam pertemuan yang diatur itu, dihabiskan oleh Dr Mahathir untuk menjelaskan isu berkisar kepada pemecatan Anwar. Masa itu sepatutnya dimanfaatkan untuk berbincang menyelesaikan masalah ekonomi yang melanda negara lebih 15 bulan lalu dan bagi mengembalikan keyakinan dunia kepada

peluang pelaburan di Malaysia.

Dr Mahathir tiada pilihan dan terpaksa memberi penjelasan secara ikhlas selepas isu itu diperbesar-besarkan oleh media antarabangsa. Beliau terpaksa menangkis segala tuduhan dilemparkan termasuk ketika menemui pelajar Malaysia yang turut bertanya mengenai khabar Anwar. Perdana Menteri juga menampelak stesen televisyen seperti CNN dan CNBC kerana menggambarkan seolah-olah rusuhan antikerajaan berlaku setiap jam di Malaysia sejak pemecatan Anwar, sambil menyamakan keadaan itu dengan gambar Presiden Bill Clinton memeluk Monica Lewinsky.

"Saya melihat CNN menunjukkan Presiden Clinton memeluk Lewinsky sudah 1,000 kali. Saya berpendapat kejadian memeluk itu berlaku hanya sekali. Ia juga menayangkan seolah-olah rusuhan oleh penyokong Anwar berlaku setiap jam di Malaysia," katanya yang turut berjanji mereka yang bertanggungjawab memukul bekas timbalannya hingga menyebabkan matanya lebam, akan diambil tindakan sewajarnya selepas siasatan selesai.

Khatib berkata, sebenarnya tujuan utama Perdana Menteri ke Jepun adalah untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa Tokyo mengenai Pembangunan Afrika (TICAD II) yang sudah lama diatur dan kehadirannya memang ditunggu terutama oleh wakil 52 negara Afrika kerana menganggap Dr Mahathir sebagai peneraju konsep kerjasama selatan-selatan sebelum ini.

"Tetapi pihak media begitu ghairah sehingga ramai yang meminta diadakan interview eksklusif dengan Perdana Menteri termasuk CNN dan BBC. Saya terpaksa aturkan sidang akhbar khas untuk semua kerana kesuntukan masa," kata duta yang sudah lebih lapan tahun ditugaskan di Tokyo itu.

Dalam keadaan sekarang adalah dirasakan perlu bagi Perdana Menteri untuk terus melakukan lawatan "ala-Tokyo" itu dengan dua matlamat yang sama iaitu memperjelaskan dasar tukaran asing dan kes pemecatan Anwar - dua isu yang masih mengelirukan masyarakat antarabangsa. Matlamatnya ialah untuk mendapatkan bantuan kewangan dan pada masa yang sama mengembalikan keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

Selain lawatan ke Brunei dan Taiwan yang dirasakan masih berupaya memberi sumbangan keperluan modal Malaysia, lawatan ke negara tertentu di Eropah dirasakan perlu termasuk kemungkinan menjual bon seperti bon yankee.

(END)